

Pendekatan Kuratorial Patuh Syariah Terhadap Objek Suci: Analisis Literatur Berasaskan Maqasid Dan Adab

Syariah Compliance Curatorial Approach to Sacred Objects: A Literature Review Based on Maqasid and Adab

Ahmad Farid Abd Jalal^a, Ibrahim Majdi Mohamad Kamil^{b,*}, Rahimin Affandi Abdul Rahim^c

^a*Sultan Abu Bakar Museum, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia*

^b*Philosophy and Civilization Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia*

^c*Yayasan Usnuluddin Malaysia, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia*

**Corresponding author: ibrahimmajdi@usm.my*

Article history

Received: 2025-06-12 Received in revised form: 2026-02-24 Accepted: 2026-02-25 Published online: 2026-06-30

Abstract

This article analyses the Islamic curatorial approach to the management of artifacts, sacred objects, and religious spaces, grounded in the principles of adab (etiquette), maqasid al-shariah (higher objectives of Islamic law), and the epistemology of tawhid (divine unity). It highlights the fundamental differences between secular Western curatorial models and Islamic perspectives that emphasize sanctity, devotional function, and spiritual responsibility. The analysis includes a typology of sacred objects in Islam, a value-based curatorial framework, and the urgent need to develop ethical codes, professional training modules, and Islamic curatorial research institutions. The article proposes an interdisciplinary and context-sensitive model as a meaningful alternative for building a just, dignified, and spiritually conscious Islamic curatorial system.

Keywords: Islamic curatorship, sacred artifacts, maqasid al-shariah, museum ethics.

Abstrak

Artikel ini menganalisis pendekatan kuratorial patuh syariah dalam pengurusan artifak, objek suci, dan ruang keagamaan dengan menyoroti jurang teori dalam wacana kuratorial arus perdana yang cenderung kepada paradigma sekular barat. Permasalahan utama kajian ini berpunca daripada ketiadaan satu kerangka kuratorial berteraskan nilai Islam yang mengintegrasikan dimensi kesucian, fungsi ibadah dan tanggungjawab spiritual terhadap artifak suci. Berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisis dokumen, teks-teks tradisi Islam, dan perbandingan kritis antara model kuratorial Barat dan pandangan dunia Islam, artikel ini membangunkan satu rangka konseptual yang berteraskan prinsip adab (etika), maqasid al-shariah (tujuan-tujuan utama syariah), dan epistemologi tauhid (keesaan Ilahi). Ia menekankan perbezaan asas antara model kuratorial sekular Barat dan perspektif Islam yang mengutamakan kesucian, fungsi ibadah, dan tanggungjawab spiritual. Analisis ini merangkumi tipologi objek suci dalam Islam, kerangka kuratorial berasaskan nilai, serta keperluan mendesak untuk membangunkan kod etika, modul latihan profesional, dan institusi penyelidikan kuratorial Islam. Artikel ini mencadangkan satu model interdisiplin dan peka konteks sebagai alternatif yang bermakna untuk membina sistem kuratorial patuh syariah yang adil, bermaruah, dan sedar akan nilai kerohanian.

Kata kunci: Kuratorial patuh syariah, artifak suci, maqasid al-shariah, etika muzium.

1.0 PENDAHULUAN

Dalam wacana permuziuman moden, artifak dan ruang suci daripada tradisi Islam sering ditafsirkan melalui kerangka sekular, estetika, dan kolonial yang mengabaikan nilai kerohanian serta epistemologi Islam. Para sarjana museologi Barat sendiri telah mengkritik pendekatan ini sebagai bersifat reduktif, dangkal, dan terpisah daripada falsafah Islam yang mendalam. Sebagai contoh, Flood (2009) menegaskan bahawa banyak pameran seni Islam cenderung menampilkan artifak sebagai objek eksotik dan estetik, namun terpisah daripada konteks teologi dan sosialnya. Beliau menyatakan bahawa pendekatan ini memutihkan sejarah dan mengasingkan objek daripada kehidupan rohaninya. Shaw (2012) turut mengkritik pendekatan ini dengan menyatakan bahawa seni Islam sering dikurasi dalam gaya yang terpisah daripada metafizik Islam, menjadikannya sekadar barangan dekoratif yang tidak mewakili makna sebenar. Menurut beliau, pendekatan ini merupakan warisan kolonial Eropah yang memperlakukan seni bukan-Barat melalui lensa etnografi atau estetika yang kosong daripada spiritualiti.

Shabout (2007) pula mengkritik pendekatan muzium seni moden terhadap artifak Arab dan Islam yang menurutnya sering meminggirkan makna ideologi dan identiti objek tersebut. Akibatnya, berlaku kekaburan epistemik terhadap maksud sebenar seni dan warisan Islam, serta pengasingan artifak daripada komuniti asalnya. Dalam konteks ini, pendekatan kuratorial Barat bukan sahaja gagal menyampaikan makna kesucian dan maqasid objek Islam, tetapi juga mengabaikan fungsi asal artifak sebagai alat ibadah, penyebaran ilmu, atau dakwah. Pameran yang bersifat visual semata-mata tanpa pengisian falsafah dan konteks sejarah Islam akhirnya memperkukuh naratif sekular dan mendangkalkan pemahaman awam terhadap sumbangan peradaban Islam. Justeru, wujud keperluan mendesak untuk membina satu pendekatan kuratorial Islamik yang bukan sahaja mempersembahkan artifak secara fizikal, tetapi juga memaknai semula warisan Islam melalui adab, falsafah, dan niat yang sahih. Tulisan ini berhujah bahawa pendekatan kuratorial patuh syariah harus menjadi model alternatif yang lebih mendalam dan menyeluruh dalam menangani isu artifak, objek, dan ruang suci.

Selain itu, Necipoğlu (1995) dalam karya pentingnya *The Topkapi Scroll: Geometry and Ornament in Islamic Architecture* menekankan bahawa geometri dalam seni bina Islam bukan sekadar elemen hiasan, tetapi mencerminkan prinsip metafizik dan kosmologi Islam yang mendalam. Beliau menunjukkan bagaimana seni geometri Islam berfungsi sebagai medium visual untuk menyampaikan konsep ketuhanan, keteraturan, dan keesaan, unsur yang sering diabaikan dalam pendekatan kuratorial moden yang lebih menekankan aspek estetika semata-mata. Kritikan beliau terhadap orientalisme dalam pentafsiran seni Islam turut menguatkan hujah bahawa pendekatan kuratorial Barat telah memisahkan bentuk daripada makna, sekali gus mengaburkan nilai spiritual yang terkandung dalam artifak dan ruang suci Islam.

2.0 KONSEP ARTIFAK, OBJEK DAN RERUANG SUCI DALAM PERSPEKTIF ISLAM

2.1 Takrif dan Epistemologi Islam tentang Artifak, Objek dan Reruang Suci

Dalam epistemologi Islam, sesuatu artifak atau objek tidak dinilai semata-mata berdasarkan material atau usia, tetapi berdasarkan hubungannya dengan makna, tujuan (maqasid), dan peranan dalam kehidupan kerohanian serta sejarah ummah. Penilaian terhadap objek dipandu oleh prinsip adab, maqasid al-shariah, dan tasawur Islam tentang alam sebagai tanda (*āyah*) yang menunjuk kepada Pencipta. Istilah artifak (*athār*, jamak dari *athar*) merujuk kepada peninggalan zahir yang

mempunyai makna batin. Ia merangkumi tinggalan fizikal Rasulullah SAW seperti jubah atau rambut, manuskrip ilmu, alat ibadah, serta tinggalan sejarah umat Islam seperti batu nisan, alat ukir, mimbar, dan al-Qur'an tulisan tangan. Dalam karya-karya sarjana klasik seperti Imam al-Ghazali, objek yang terkait dengan amalan ibadah, ilmu, dan kenabian dianggap memiliki nilai keberkahan dan penghormatan (al-Ghazali, n.d.).

Objek suci dalam tradisi Islam merujuk kepada objek yang dikaitkan dengan aspek wahyu, kenabian, ibadah, atau peringatan (tazkirah). Penilaian terhadap kesuciannya bukan bersifat intrinsik, tetapi ditentukan oleh fungsinya, niat penggunaannya, dan keizinan syarak. Reruag suci pula merujuk kepada tempat yang dihormati kerana kaitannya dengan ibadah atau sejarah keagamaan seperti masjid, makam ulama, gua Hira', kawasan perang Badar, dan sekolah pondok. Kesucian ini lahir daripada fungsi ibadah dan kesan spiritual yang berlaku di tempat tersebut, bukan semata-mata lokasi geografi (Al-Attas, 1989).

2.2 Konsep dan Dimensi Kesucian Objek dalam Budaya Melayu-Islam: Simbiosis Adat dan Syariat

Dalam konteks Melayu-Islam, pemahaman tentang kesucian artifak dan ruang turut diwarnai oleh simbiosis antara adat dan syariat, menghasilkan satu bentuk pemuliaan warisan yang bersifat integratif dan wasatiyyah (seimbang). Tradisi Melayu tidak memisahkan unsur adat daripada agama secara rigid. Sebagai contoh, amalan menziarahi makam ulama dan penggunaan alat seperti tombak atau keris warisan dalam upacara keagamaan sering kali diberi makna sakral berdasarkan fungsi sosial dan peranannya dalam mendidik masyarakat tentang perjuangan dan pengorbanan. Dimensi kesucian dalam budaya Melayu-Islam merangkumi beberapa aspek utama:

- i. Kesenambungan Sejarah - Objek atau artifak sering dianggap suci kerana menjadi penghubung antara generasi semasa dengan tokoh ulama, pemerintah soleh dan peristiwa penting dalam perkembangan Islam. Tradisi Melayu-Islam sememangnya mengaitkan jati diri, akhlak dan sistem nilai dengan warisan Islam yang telah membentuk budaya Melayu, sebagaimana dihuraikan oleh Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa dan Siti Aishah Suhaimi (2012), yang menegaskan bahawa akidah, syariah dan akhlak merupakan asas utama pembentukan identiti Melayu sejak awal proses Islamisasi di rantau ini.
- ii. Barakah dan tazkirah – Objek berkaitan ulama dan orang salih memainkan fungsi sebagai *tazkirah*, iaitu peringatan terhadap amal soleh, adab dan kesalehan tokoh tersebut. Nilai barakah yang dikaitkan dengan peninggalan tertentu bukanlah kerana sifat keramat objek itu sendiri, tetapi kerana warisan ilmu dan perjuangan tokoh yang dirujuk. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian yang menunjukkan bagaimana nilai agama dan akhlak membentuk keseluruhan budaya Melayu-Islam, termasuk tradisi menghormati peninggalan tokoh agama yang berjasa kepada masyarakat
- iii. Ruang dan tapak sejarah – Bukit Puteri mempunyai nilai kesucian simbolik kerana ia berperanan sebagai kota pertahanan utama Kesultanan Terengganu pada abad ke-18 dan ke-19. Berdasarkan kajian Mohd Nur Shafiq Harun dan Mohd Samsudin (2019), tapak ini menempatkan pelbagai tinggalan seperti Genta Gergasi, meriam, kubu pertahanan dan sisa singgahsana sultan, yang menunjukkan fungsinya sebagai benteng keselamatan dan pusat kawalan pemerintahan Islam di Terengganu. Kesenambungan sejarah ini memberikan nilai spiritual dan simbolik yang kuat dalam imaginasi masyarakat Melayu-Islam kontemporari.

Dalam kerangka fiqh *al-'urf* (hukum adat yang selari dengan syariah), kesucian ini diiktiraf selagi tidak bercanggah dengan prinsip tauhid dan tidak membawa kepada unsur khurafat. Pandangan ulama seperti Daud al-Fatani, Tok Kenali, dan Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) turut

menekankan pentingnya mengekalkan objek warisan dalam semangat pendidikan dan penghormatan (Wan Mohd Shaghir, 2001). Oleh itu, kurator Islam di rantau Melayu perlu memahami interaksi antara adat dan syariah ini agar tidak berlaku pemusnahan makna atau salah tafsir terhadap objek budaya yang telah dimulakan secara turun-temurun sebagai sebahagian daripada naratif sejarah Islam tempatan (Farish A. Noor, 2009).

2.3 Perbezaan Konsep Objek Suci Mengikut Agama Lain

Konsep objek suci berbeza antara agama, bergantung kepada epistemologi teologi masing-masing sama ada bersifat transenden, imanen, atau ritualistik. Dalam Islam, kesucian objek tidak bersifat zatih (intrinsik), sebaliknya bergantung kepada fungsi ibadah, hubungan dengan wahyu, dan konteks adab. Sebaliknya, dalam banyak tradisi agama lain, kesucian sering dianggap sebagai sifat yang melekat secara kekal pada objek atau jasad.

Perbezaan utama antara Islam dan agama lain terletak pada penolakan Islam terhadap sebarang unsur syirik, iaitu kepercayaan bahawa sesuatu objek memiliki kuasa spiritual tersendiri yang kekal (*autonomous sacred power*). Dalam Islam, objek hanya menjadi suci kerana dikaitkan dengan ibadah dan wahyu secara bersyarat, dan bukan kerana ia memiliki zat suci secara mutlak. Pandangan ini ditegaskan oleh ulama seperti Ibn Taymiyyah, al-Ghazali, dan Yusuf al-Qaradawi yang menekankan prinsip tauhid dan adab dalam berinteraksi dengan objek (al-Ghazali, n.d.; Ibn Taymiyyah, n.d.; al-Qaradawi, 1999).

Sebagai contoh, dalam agama Katolik, *relic* seperti tulang wali (*saint*) atau pakaian dianggap mempunyai kekuatan untuk menyembuhkan atau melindungi, dan disimpan dalam gereja sebagai barangan yang suci mutlak. Sebaliknya, dalam Islam, keberkatan daripada objek seperti rambut Nabi Muhammad SAW hanya berlaku dengan keizinan Allah, bukan kerana kekuatan objek itu sendiri (Nasr, 1987).

3.0 PENDEKATAN KURATORIAL BARAT TERHADAP ARTIFAK DAN RERUANG SUCI AGAMA: ANALISIS KRITIS

Pendekatan kuratorial Barat terhadap artifak dan ruang suci agama telah lama dibentuk oleh kerangka epistemologi sekular, asas estetika-empiris, dan warisan kolonial-arkeologi. Dalam kerangka ini, objek keagamaan sering ditafsir dan dipamerkan sebagai bahan sejarah atau seni semata-mata, terpisah daripada konteks spiritual dan teologinya. Objektif ini menghasilkan naratif muzium yang menekankan nilai estetik, sejarah, dan sosiologikal, namun mengabaikan nilai sakral, fungsi ibadah, serta penghormatan terhadap tradisi asal objek tersebut.

Dalam banyak institusi muzium terkemuka seperti British Museum, Louvre, dan Metropolitan Museum of Art, artifak Islam serta objek keagamaan dari tradisi Hindu, Buddha, dan Kristian sering dipersembahkan sebagai hasil seni atau tinggalan budaya. Objek-objek ini diklasifikasikan mengikut kategori etnografi atau artistik, tanpa mengambil kira fungsi *syar'i* atau makna spiritual yang mendasarinya. Pameran-pameran ini lazimnya bersifat visual dan informatif, namun tidak menyediakan ruang untuk pengalaman rohani atau penghormatan terhadap fungsi ibadah asal objek tersebut. Sebagai contoh, al-Qur'an lama, mihrab masjid, atau kain kiswah Kaabah sering dipamerkan seperti lukisan biasa, tanpa penjelasan tentang kehormatan atau adab yang sepatutnya mengiringi interaksi dengan objek-objek tersebut.

Pandangan kritis terhadap pendekatan ini telah dikemukakan oleh sarjana seperti Flood (2009) dan Shaw (2012). Flood menegaskan bahawa kurasi Barat telah mengakibatkan proses penyahsakralan terhadap bahan-bahan suci, satu fenomena yang beliau istilahkan sebagai

disenchantment of sacred material. Shaw pula menyatakan bahawa seni Islam sering dikurasi dalam kerangka yang memisahkan bentuk daripada makna, menjadikan objek-objek tersebut sekadar artifak visual yang kehilangan dimensi metafizik dan spiritualnya.

Selain objektifikasi artifak, pendekatan kuratorial Barat juga telah menyumbang kepada transformasi ruang ibadah menjadi tapak muzium atau pelancongan. Contoh paling ketara ialah Hagia Sophia di Istanbul, yang telah melalui pelbagai fasa dari fungsinya sebagai gereja kepada masjid, kemudian menjadi muzium sekular pada tahun 1935 di bawah dasar Kemalisme, dan akhirnya kembali menjadi masjid. Fenomena yang sama dapat dilihat di kuil-kuil Buddha di Asia Tenggara yang kini lebih dikenali sebagai destinasi pelancongan berbanding tempat ibadah, serta gereja dan biara lama di Eropah yang diubah menjadi galeri seni atau pusat pelancongan sejarah. Dalam semua kes ini, ruang suci ditafsir semula sebagai ruang sejarah atau seni bina, bukan lagi sebagai ruang kehadiran Ilahi. Ini mencerminkan kerangka sekularisme Barat yang memisahkan fungsi spiritual daripada kepentingan awam dan pendidikan.

Kritikan terhadap pendekatan ini turut dikemukakan oleh beberapa sarjana kontemporari. Gruber (2017) menekankan bahawa kurasi Barat sering mengabaikan sensitiviti komuniti agama asal, manakala Shabout (2007) mengkritik kecenderungan untuk menjadikan objek agama sebagai objek eksotik atau estetika semata-mata satu bentuk fetisisme spiritual yang mengosongkan makna asalnya. Mignolo (2011) pula melihat isu ini sebagai sebahagian daripada ketidakadilan epistemik yang lebih besar, di mana pengetahuan dan nilai bukan-Barat sering ditafsir melalui lensa kolonial dan moden Barat.

Salah satu contoh yang sering dikemukakan ialah pameran “Sacred: Discover What We Share di British Library” pada tahun 2007. Pameran ini cuba menampilkan manuskrip suci dari tradisi Islam, Kristian, dan Yahudi secara setara. Namun begitu, konteks ritual dan spiritual manuskrip tersebut tidak ditonjolkan secara seimbang, dan tidak mewakili nilai ibadah masing-masing secara autentik. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat usaha untuk inklusiviti, pendekatan kuratorial Barat masih terikat kepada kerangka sekular dan estetika yang mendominasi naratif muzium moden.

Akibat daripada pendekatan ini, objek agama Islam mudah disalah tafsir sebagai artifak budaya biasa, manakala ruang yang dahulunya menjadi medan ibadah kini hanya dikenang sebagai ruang sejarah. Pengunjung tidak lagi dibimbing kepada makna transenden, tetapi hanya kepada fakta atau bentuk luar objek. Oleh itu, kurator Muslim perlu menyedari kesan epistemik dan ideologi daripada pendekatan ini agar tidak menirunya secara tidak sedar, terutamanya ketika membangunkan galeri Islamik dalam muzium tempatan atau antarabangsa.

4.0 PRINSIP KURATORIAL ISLAM DALAM PENGURUSAN ARTIFAK DAN RERUANG SUCI

Pendekatan kuratorial dalam Islam tidak sekadar bersifat teknikal atau artistik, tetapi merupakan satu bentuk ibadah dan amanah yang memerlukan adab, hikmah, dan niat yang tulus. Dalam menguruskan artifak dan ruang suci, prinsip-prinsip kuratorial Islam bertolak daripada asas maqasid al-shariah, tasawur tauhid, dan kaedah fiqh warisan. Pendekatan ini menuntut agar pengurusan warisan Islam tidak hanya menumpukan kepada aspek fizikal atau estetika, tetapi juga kepada makna, fungsi, dan nilai spiritual yang terkandung dalam setiap objek dan ruang.

Setiap artifak dan objek warisan Islam dianggap sebagai amanah yang tidak boleh diperlakukan secara sembarangan. Dalam kerangka Islam, manusia adalah khalifah yang diamanahkan menjaga bumi dan segala warisannya. Maka, pengurusan artifak sama ada manuskrip, Page | 123

alat ibadah, atau peninggalan ulama mesti dipandu oleh rasa tanggungjawab ukhrawi. Objektif utama bukan sekadar pelestarian fizikal, tetapi juga penjagaan makna dan simboliknya. Konsep amanah ini merangkumi aspek pemuliharaan, penyelidikan, dan naratif yang adil tanpa manipulasi sejarah atau fetisisme. Ia turut mengandungi larangan terhadap pemindahan objek suci dari tempat asalnya tanpa maslahat yang sah, serta penolakan terhadap komersialisasi objek ibadah (al-Qaradawi, 1995; Fatwa al-Azhar, 2002).

Ruang seperti masjid lama, mihrab, makam ulama, dan pondok pengajian bukan sekadar struktur fizikal, tetapi kesinambungan ibadah dan simbol kemakmuran ilmu. Sebarang tindakan pemuliharaan, dokumentasi atau pemindahan elemen daripada ruang ini mesti dilakukan dengan penuh adab dan keinsafan. Prinsip ini menuntut agar para kurator tidak memisahkan ruang daripada fungsi asalnya. Pameran berkaitan ruang ibadah mesti ditampilkan dengan unsur muhasabah dan tazkirah, bukan semata-mata estetik atau nostalgia. Pemindahan fizikal seperti mimbar, batu nisan atau karpet imam memerlukan pertimbangan maqasid serta pandangan ulama yang berautoriti.

Adab merupakan prinsip teras dalam semua disiplin keilmuan Islam, termasuk dalam pengurusan warisan dan kuratorial. Kurator Islam perlu bersikap merendah diri terhadap ilmu dan objek sejarah, serta memastikan segala bentuk penyampaian ilmu tidak menyalahi akhlak Islam. Adab terhadap artifak termasuk menjaga aurat objek (contohnya gambar wanita dalam manuskrip), tidak menayangkan objek secara tidak wajar (seperti jasad atau tulang belulang), dan memastikan penggunaan naratif yang tidak menyindir atau mempersenda simbol agama. Dalam hal ini, pendekatan kuratorial Islam sangat berbeza daripada pendekatan sekular yang sering mengutamakan kebebasan ekspresi tanpa batasan nilai (al-Ghazali, n.d.; Ibn Khaldun, 2005).

Segala keputusan kuratorial dalam Islam mesti berpandukan kepada lima maqasid utama: penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Prinsip ini dapat dijadikan kerangka untuk menilai sama ada sesuatu tindakan pameran, pemindahan artifak, atau penyesuaian ruang pameran itu benar-benar membawa manfaat dan mengelakkan kemudaratan. Sebagai contoh, jika satu pameran boleh menimbulkan kekeliruan akidah, maka ia mesti dielakkan. Sebaliknya, jika satu pendekatan visual dapat memperkukuh kefahaman terhadap sejarah perjuangan Islam, maka ia boleh dibenarkan. Maqasid juga membantu menilai antara maslahat pendidikan dan potensi penyalahgunaan objek.

Pendekatan ini selari dengan pandangan tokoh-tokoh seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas yang menekankan bahawa ilmu dan warisan Islam mesti difahami dalam kerangka adab dan tauhid, bukan sekadar sebagai maklumat atau objek kajian. Seyyed Hossein Nasr pula menegaskan bahawa seni dan warisan Islam adalah manifestasi prinsip metafizik yang tidak boleh dipisahkan daripada wahyu dan spiritualiti. Dalam konteks ini, kurator Muslim bukan sahaja bertindak sebagai penjaga fizikal artifak, tetapi juga sebagai penyampai makna dan penjaga nilai (al-Attas, 1978; Nasr, 1987).

5.0 KEPERLUAN PEMBINAAN KERANGKA KURATORIAL ISLAM

Dalam menghadapi cabaran epistemik dan praktikal dalam dunia permuziuman kontemporari, wujud keperluan mendesak untuk membina satu kerangka kuratorial Islam yang berteraskan nilai-nilai adab, maqasid, dan hikmah. Kerangka ini bukan sahaja bertujuan untuk memelihara artifak dan ruang suci secara fizikal, tetapi juga untuk memastikan bahawa pengurusan dan penyampaian warisan Islam dilakukan dengan penuh tanggungjawab ukhrawi dan kesedaran spiritual.

Salah satu komponen utama dalam kerangka ini ialah pembentukan kod etika kurator Islam. Kod ini perlu menggabungkan prinsip adab, amanah, niat yang ikhlas, dan tanggungjawab terhadap ummah. Ia berfungsi sebagai panduan moral dan profesional dalam berinteraksi dengan objek warisan, serta dalam membina naratif pameran yang tidak menyimpang daripada nilai Islam. Dalam tradisi Islam, adab bukan sekadar etika luaran, tetapi merupakan cerminan kedalaman ilmu dan kesedaran terhadap kedudukan manusia sebagai khalifah (al-Attas, 1978).

Selain itu, modul latihan khusus untuk kurator Islam perlu dibangunkan. Modul ini harus merangkumi aspek fiqh warisan, pengurusan objek suci, naratif dakwah, dan adab ilmiah. Latihan ini penting bagi memastikan kurator bukan sahaja mahir dari segi teknikal, tetapi juga memahami konteks syariah dan sejarah yang melatari setiap artifak. Seperti yang ditegaskan oleh al-Qaradawi (1995), keputusan dalam pengurusan awam mesti dibuat dengan mempertimbangkan keseimbangan antara maslahat dan mafsadah, serta berpandukan hikmah dan kesedaran maqasid.

Dalam jangka panjang, penubuhan muzium Islam autentik dan pusat penyelidikan kuratorial Islamik adalah sangat penting. Institusi-institusi ini boleh berperanan sebagai pusat latihan, penyelidikan, dan pembangunan standard operasi (SOP) yang berteraskan nilai Islam. Ia juga dapat membina naratif sejarah yang lebih adil dan menyeluruh, berbeza daripada naratif kolonial atau sekular yang mendominasi banyak institusi warisan hari ini. Seperti yang ditegaskan oleh Osman Bakar (2006), pemahaman terhadap warisan Islam mesti berpaksikan kepada tauhid dan ilmu yang bersepadu, bukan terpisah antara bentuk dan makna.

Satu lagi prinsip penting ialah penggunaan fiqh muwāzanah dalam membuat keputusan kuratorial. Fiqh ini membolehkan kurator Islam menilai antara manfaat dan mudarat dalam isu-isu seperti pemindahan artifak, penggunaan teknologi pameran, atau pendigitalan objek suci. Ia juga membantu dalam menilai sama ada sesuatu pendekatan visual atau naratif itu membawa kepada pendidikan atau sebaliknya menimbulkan kekeliruan akidah. Pendekatan ini menuntut kebijaksanaan dan kefahaman mendalam terhadap realiti semasa serta prinsip-prinsip syariah (Ibn Khaldun, 2005; Fatwa al-Azhar, 2002).

Akhir sekali, penting untuk menolak paradigma legal-formalistik yang bersifat anti-muzium. Sebahagian kelompok ekstremis atau aliran pemikiran literalis dalam dunia Islam telah menolak institusi muzium atas alasan ia dianggap bidaah atau penghinaan terhadap agama (Rahimin Affandi et al (2011). Pandangan ini lahir daripada pendekatan hukum yang terlalu literal dan tidak mengambil kira maqasid al-shariah serta realiti kontemporari. Dalam dunia hari ini, muzium bukan sahaja berfungsi sebagai tempat penyimpanan artifak, tetapi juga sebagai ruang pendidikan, dakwah, dan pemeliharaan identiti ummah. Menolak muzium secara total atas alasan syubhah menunjukkan kelemahan dalam fiqh al-waqi' dan kejumudan metodologi hukum. Oleh itu, pendekatan ini perlu dikritik secara ilmiah dan digantikan dengan pendekatan yang lebih seimbang, yang mengiktiraf nilai adab, hikmah, dan maslahat dalam pemeliharaan warisan Islam.

6.0 KESIMPULAN

Artikel ini menegaskan bahawa pendekatan kuratorial Islam perlu dibina atas asas kerangka adab, maqasid syariah, dan epistemologi tauhid yang membezakan secara jelas antara objek sejarah sekular dan objek suci agama. Dalam tradisi Islam, artifak dan reruang ibadah bukan sekadar tinggalan fizikal, tetapi merupakan warisan makna, simbol, dan spiritualiti yang perlu dipelihara dengan penuh tanggungjawab. Oleh itu, prinsip-prinsip seperti amanah, ibadah, dan tanggungjawab moral terhadap makna serta warisan spiritual harus menjadi panduan utama dalam pengurusan dan penyampaian warisan Islam.

Kritikan terhadap pendekatan kuratorial Barat yang cenderung mengasingkan kesucian daripada konteks agama perlu dijawab dengan pembinaan model alternatif kurasi Islamik yang menyeluruh. Model ini harus bersifat rentas disiplin, menggabungkan ilmu warisan, fiqh, seni, dan falsafah, serta peka terhadap konteks budaya dan sejarah tempatan. Ia juga perlu menolak pendekatan yang terlalu literal atau legalistik yang menafikan peranan muzium sebagai ruang pendidikan dan dakwah.

Keperluan kepada kod etika kurator Islam, modul latihan yang bersepadu, penubuhan institusi penyelidikan kuratorial Islamik, serta penggunaan fiqh muwāzanah dalam membuat keputusan etika merupakan elemen penting dalam pembentukan sistem kuratorial Islam masa depan. Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan sekularisasi, pendekatan kuratorial Islam yang berteraskan adab dan maqasid mampu menjadi alternatif yang bukan sahaja menjaga warisan, tetapi juga memuliakan makna.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan dalam penyediaan artikel ini. Penghargaan turut ditujukan kepada pihak universiti dan pihak Muzium negeri Pahang atas sokongan fasiliti yang diberikan.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Senarai Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail, A. M., Stapa, Z., & Suhaimi, S. A. (2012) Islam dan pembentukan jati diri bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari (Special Edition)*. 143-154.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM,
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1989) *Islam and the Philosophy of Science*. Kuala Lumpur: ISTAC,
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (n.d). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah,
- Azra, Azyumardi. (2004). *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'Ulama' in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Crows Nest, NSW: Allen & Unwin.
- Bakar, Osman. (2006). *Tawhid and Science: Essays on the History and Philosophy of Islamic Science*. Kuala Lumpur: Arahan Publications,
- Flood, Finbarr Barry. (2009). *Objects of Translation: Material Culture and Medieval "Hindu-Muslim" Encounter*. Princeton: Princeton University Press.
- Gruber, Christiane J. (2017). "The Islamic Manuscript as Object of Devotion and Knowledge." *Journal of Islamic Manuscripts*. 8 (2), 123–145.
- Harun, M. N. S., & Samsudin, M. (2019). Sejarah Bukit Puteri sebagai tapak warisan kebudayaan semulajadi di Negeri Terengganu. *Jurnal Peradaban*. 12, 103–118.
- Ibn Khaldun. (2005). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Translated by Franz Rosenthal. Princeton: Princeton University Press.
- Mignolo, Walter D. (2011). *The Darker Side of Western Modernity: Global Futures, Decolonial Options*. Durham: Duke University Press.
- Milner, Anthony. (2008). *The Malays*. Oxford: Wiley-Blackwell,

- Nasr, Seyyed Hossein. (1987). *Islamic Art and Spirituality*. Albany: State University of New York Press.
- Necipoglu, Gülru. (1995). *The Topkapi Scroll: Geometry and Ornament in Islamic Architecture*. Los Angeles: Getty Center for the History of Art and the Humanities.
- Qaradawi, Yusuf al-.(1995). *Fiqh al-Muwāzanāt*. Cairo: Maktabah Wahbah,
- Qaradawi, Yusuf al-. (1999). *Al-Tawassul bayna al-Bid'ah wa al-Shirk*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Rahim, R. A. A., Abd Razak, M. I., & Ramli, M. A. (2021). Museums and its endeavour to combat religious extremism-Iconoclasm: an analysis, *Journal of Information and Knowledge Management (JIKM)*, 11(2), 207-223.
- Shabout, Nada. (2007). *Modern Arab Art: Formation of Arab Aesthetics*. Gainesville: University Press of Florida,
- Shariah Advisory Council on Heritage. (2002). *Fatwa al-Azhar*. Cairo: Al-Azhar,
- Shaw, Wendy M. K. (2012). *Islamic Art: A Field of Study*. Berlin: Gerlach Press,
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2001). *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pemikir Islam Terulung di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah,
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2001). *Tok Kenali Ulama Besar Kelantan*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zulkifli Salleh. (2013). *Amalan dan Pemikiran Syeikh Daud al-Fatani*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),